

D.R. 3/97

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG
JENAYAH KOMPUTER 1997**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KESALAHAN

3. Capaian tanpa kuasa kepada bahan komputer.
4. Capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan lanjut.
5. Pengubahsuaian tanpa kuasa kandungan mana-mana komputer.
6. Komunikasi salah.
7. Pensubahatan dan percubaan boleh dihukum sebagai kesalahan.
8. Anggapan.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN SAMPINGAN DAN AM

9. Skop wilayah kesalahan di bawah Akta ini.
10. Kuasa pengeledahan, penyitaan dan penangkapan.
11. Menghalang pengeledahan.
12. Pendakwaan.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubung dengan penyalahgunaan komputer.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jenayah Tajuk
Komputer 1997.ringkasdan
kuatkuasa.
- (2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya Tafsiran.
menghendaki makna yang lain—
 - "atur cara" ertinya data yang merupakan suruhan atau pernyataan, apabila dilakukan dalam suatu komputer, menyebabkan komputer itu melaksanakan suatu fungsi;
 - "data" ertinya representasi maklumat atau konsep yang disediakan atau telah disediakan dalam bentuk yang sesuai bagi kegunaan dalam suatu komputer;
 - "fungsi" termasuklah logik, kawalan, aritmetik, hapusan, storan dan dapatan semula dan komunikasi atau telekomunikasi kepada, daripada atau dalam sesuatu komputer;

"komputer" ertinya suatu peranti elektronik, magnet, optik, elektrokimia, atau peranti pemrosesan data yang lain, atau sekumpulan peranti tersaling sambung atau yang berkaitan, yang melaksanakan fungsi logik, aritmetik, storan dan paparan, dan termasuklah apa-apa kemudahan storan data atau kemudahan komunikasi yang berkaitan secara langsung dengan atau dikendali bersama dengan suatu peranti atau sekumpulan peranti tersaling sambung atau yang berkaitan, tetapi tidak termasuk suatu mesin taip atau mesin pengatur huruf berautomat, atau suatu mesin hitung pegang-tangan mudah alih atau peranti seumpama yang lain yang tak boleh diatur cara atau yang tidak mengandungi apa-apa kemudahan storan data;

"output komputer" atau "output" ertinya suatu pernyataan atau representasi sama ada berbentuk tulisan, tercetak, bergambar, filem, grafik, akustik atau bentuk lain—

- (a) dihasilkan oleh suatu komputer;
- (b) dipapar di skrin suatu komputer; atau
- (c) diterjemah dengan tepat daripada suatu pernyataan atau representasi yang dihasilkan itu;

"premis" termasuklah tanah, bangunan, binaan boleh alih dan apa-apa pengangkutan melalui jalan darat, air dan udara;

"rangkaiannya komputer" ertinya saling sambungan talian komunikasi dan litar dengan suatu komputer atau suatu kompleks terdiri daripada dua atau lebih komputer tersaling sambung.

(2) Bagi maksud Akta ini, seseorang mendapat capaian kepada mana-mana atur cara atau data yang disimpan dalam komputer jika, dengan menyebabkan komputer itu melaksanakan apa-apa fungsi, dia—

- (a) mengubah atau memadamkan atur cara atau data;
- (b) menyalin atau mengalihnya ke mana-mana bahantara storan selain dari di mana ia disimpan atau ke tempat lain dalam bahantara storan di mana ia disimpan;

- (c) menggunakannya; atau
- (d) menyebabkan ia dioutput daripada komputer di mana ia disimpan sama ada dengan mengakibatkan ia dipaparkan atau mengikut apa-apa cara lain,

dan rujukan kepada capaian kepada suatu atur cara atau data dan kepada suatu niat untuk mendapat capaian sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(c), seseorang mengguna sesuatu atur cara jika fungsi yang disebabkan komputer itu melaksanakan—

- (a) menyebabkan atur cara itu dilakukan; atau
- (b) ia sendirinya adalah fungsi sesuatu atur cara itu.

(4) Bagi maksud perenggan (2)(d), bentuk apa-apa atur cara atau data dioutput dan khususnya sama ada ia merupakan suatu bentuk yang dalam hal suatu atur cara, boleh dilaksanakan atau dalam hal data, boleh diproses oleh komputer atau tidak adalah tak material.

(5) Bagi maksud Akta ini, capaian dalam apa-apa bentuk oleh mana-mana orang kepada apa-apa atur cara atau data yang disimpan dalam komputer adalah tanpa kuasa jika—

- (a) dia sendirinya tidak berhak untuk mengawal capaian dalam bentuk yang berkenaan kepada atur cara atau data itu; dan
- (b) dia tidak mempunyai keizinan atau melebihi apa-apa hak atau kebenaran untuk mencapai olehnya dalam bentuk yang berkenaan kepada atur cara atau data itu daripada mana-mana orang yang berhak.

(6) Suatu rujukan dalam Akta ini kepada apa-apa atur cara atau data yang disimpan dalam komputer termasuk rujukan kepada apa-apa atur cara atau data yang disimpan dalam mana-mana bahantara storan yang boleh tanggal yang sedang berada dalam komputer.

(7) Bagi maksud Akta ini, suatu pengubahsuaian kandungan mana-mana komputer berlaku jika, dengan pengendalian apa-apa fungsi komputer yang berkenaan atau mana-mana komputer yang lain—

- (a) apa-apa atur cara atau data yang disimpan dalam komputer berkenaan diubah atau dipadamkan;
- (b) apa-apa atur cara atau data dimasukkan atau ditambahkan kepada kandungannya; atau
- (c) apa-apa kejadian yang berlaku yang mencatatkan pengendalian normal mana-mana komputer,

dan apa-apa perbuatan yang menyumbang kepada berlakunya suatu pengubahsuaian hendaklah disifatkan sebagai melakukannya.

(8) Apa-apa pengubahsuaian yang disebut dalam subseksyen (7) adalah tanpa kuasa jika—

- (a) orang yang perbuatannya menyebabkan begitu dengan sendirinya tidak berhak untuk menentukan sama ada pengubahsuaian itu patut dibuat; dan
- (b) dia tidak mendapat keizinan ke atas pengubahsuaian itu daripada mana-mana orang yang berhak.

(9) Suatu rujukan dalam Akta ini kepada suatu atur cara termasuklah rujukan kepada sebahagian daripada suatu atur cara.

(10) Suatu rujukan dalam Akta ini kepada suatu komputer termasuklah rujukan kepada suatu rangkaian komputer.

BAHAGIAN II

KESALAHAN

3. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan jika—
- Capaian tanpa kuasa kepada bahan komputer.
- (a) dia menyebabkan suatu komputer melaksanakan apa-apa fungsi dengan niat untuk mendapat capaian kepada mana-mana atur cara atau data yang disimpan dalam mana-mana komputer;
 - (b) capaian yang dia berniat untuk didapati adalah tanpa kuasa; dan
 - (c) dia tahu semasa dia menyebabkan komputer itu melaksanakan fungsi itu, demikian berlakunya.
- (2) Niat seseorang itu untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini tidak perlu ditujukan kepada—
- (a) mana-mana atur cara atau data yang tertentu;
 - (b) apa-apa bentuk atur cara atau data yang tertentu; atau
 - (c) suatu atur cara atau data yang disimpan dalam mana-mana komputer yang tertentu.
- (3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.
4. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini jika dia melakukan suatu kesalahan yang disebut dalam seksyen 3 dengan niat—
- Capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan lanjut.
N.M.B. Bab 45.
- (a) untuk melakukan suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan atau yang menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan; atau
 - (b) untuk memudahkan berlakunya suatu kesalahan itu sama ada olehnya sendiri atau oleh mana-mana orang lain.

(2) Bagi maksud seksyen ini, adalah tak material sama ada kesalahan yang seksyen ini terpakai dilakukan pada masa yang sama apabila capaian tanpa kuasa itu didapati atau pada bila-bila masa hadapan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pengubah-
suaian tanpa
kuasa
kandungan
mana-mana
komputer.

5. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan jika dia melakukan apa-apa perbuatan yang dia tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa akan kandungan mana-mana komputer.

(2) Bagi maksud seksyen ini, adalah tak material bahawa perbuatan berkenaan tidak ditujukan kepada—

- (a) mana-mana atur cara atau data yang tertentu;
- (b) apa-apa bentuk atur cara atau data; atau
- (c) suatu atur cara atau data yang disimpan dalam mana-mana komputer yang tertentu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, adalah tak material sama ada suatu pengubahsuaian tanpa kuasa berlaku, atau yang dikehendaki berlaku, kekal atau hanya sementara.

(4) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya; atau boleh didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya, jika perbuatan itu dilakukan dengan niat menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

6. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan jika dia berkomunikasi secara langsung atau tak langsung suatu nombor, kod, kata laluan atau cara capaian yang lain kepada suatu komputer kepada mana-mana orang selain daripada orang yang kepadanya dia diberikuasa dengan sempurnanya untuk berkomunikasi. Komunikasi salah.

(2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen **ini** hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

7. (1) Seseorang yang bersubahat dalam melakukan atau cuba untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini adalah melakukan kesalahan itu dan hendaklah apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu. Pensubahatan dan percubaan boleh dihukum sebagai kesalahan.

(2) Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan persediaan kepada atau bagi mencapai melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini adalah melakukan kesalahan itu dan hendaklah apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan hendaklah tidak melebihi satu perdua tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

8. Seseorang yang ada dalam jagaan atau kawalannya apa-apa atur cara, data atau maklumat lain yang disimpan dalam mana-mana komputer atau didapatkan semula daripada mana-mana komputer yang berkenaan dengannya dia tidak berkuasa untuk ada dalam jagaan atau kawalannya, hendaklah disifatkan telah memperoleh capaian tanpa kuasa kepada atur cara, data atau maklumat itu melainkan jika dibuktikan sebaliknya. Anggapan.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN SAMPINGAN DAN AM

Skop wilayah
kesalahan
di bawah
Akta ini.

9. (1) Peruntukan Akta ini hendaklah, berhubung dengan mana-mana orang, walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya, mempunyai kuatkuasa di luar dan juga di dalam Malaysia, dan jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan sedemikian seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat dalam Malaysia.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Akta ini hendaklah terpakai jika, bagi kesalahan yang dipersoalkan, komputer, program atau data itu berada di Malaysia atau yang boleh disambung kepada atau dihantar kepada atau digunakan oleh atau dengan suatu komputer di Malaysia pada masa yang material itu.

(3) Apa-apa pembicaraan terhadap mana-mana orang di bawah seksyen ini yang akan menghalang pembicaraan yang kemudian terhadap seseorang itu bagi kesalahan yang sama jika kesalahan itu telah dilakukan dalam Malaysia adalah menghalang pembicaraan selanjutnya terhadapnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan serah-balik orang, berkenaan dengan kesalahan yang sama di luar Malaysia.

Kuasa peng-
geledahan,
penyitaan
dan
penangkapan.

10. (1) Bilamana didapati oleh seseorang Majistret daripada maklumat dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana premis ada apa-apa keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh, dengan waran yang diarahkan kepada mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi, memberi pegawai itu kuasa untuk memasuki premis itu, dengan kekerasan jika perlu, dan di situ menggeledah, menyita dan menahan apa-apa keterangan sedemikian dan dia hendaklah berhak untuk—

(a) mendapat capaian kepada mana-mana atur cara atau data yang disimpan dalam mana-mana

komputer, atau mendapat capaian kepada, memeriksa atau menyemak pengendalian, mana-mana komputer dan apa-apa radas atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;

(b) menghendaki—

(i) orang yang olehnya atau yang bagi pihaknya pegawai polis itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki komputer itu digunakan atau telah digunakan; atau

(ii) mana-mana orang yang mempunyai tanggungjawab bagi atau sebaliknya berurusan dengan pengendalian komputer, radas atau bahan itu,

untuk memberikannya bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud perenggan (a); dan

(c) menghendaki apa-apa maklumat yang terkandung dalam suatu komputer dan boleh didapati dari premis itu dikeluarkan dalam suatu bentuk yang boleh dibawa pergi dan yang boleh dilihat dan dibaca.

(2) Bilamana didapati oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana premis ada disembunyikan atau diletakkan apa-apa keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dan pegawai polis itu ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dengan sebab kelewatan dalam mendapatkan waran geledah tujuan pengeledahan itu mungkin gagal, dia boleh menjalankan dalam dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam subseksyen (1) dengan sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen itu.

(3) Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dia secara munasabahnyanya percaya telah melakukan atau akan melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan tiap-tiap kesalahan terhadap Akta ini hendaklah disifatkan sebagai kesalahan boleh tangkap bagi maksud undang-undang yang sedang berkuatkuasa berhubungan dengan prosedur jenayah.

Menghalang
peng-
geledahan.

11. (1) Seseorang adalah melakukan suatu kesalahan jika dia—

(a) menyerang, menghalang, merintang atau melengahkan mana-mana pegawai polis masuk ke dalam mana-mana premis di bawah Akta ini atau pada melaksanakan apa-apa tugas yang dipertanggungjawab atau apa-apa kuasa yang diberi oleh Akta ini; atau

(b) tidak mematuhi apa-apa permintaan sah daripada seseorang pegawai polis yang bertindak pada melaksanakan tugasnya di bawah Akta ini.

(2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan.

12. Suatu pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya secara bertulis.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubungan dengan penyalahgunaan komputer.

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara permulaan.

Fasal 1 memperkatakan tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

Fasal 2 bertujuan mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang.

3. Bahagian II memperkatakan kesalahan berhubung dengan penyalahgunaan komputer.

Fasal 3 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menyebabkan mana-mana komputer melaksanakan apa-apa fungsi dengan niat untuk mendapatkan capaian tanpa kuasa kepada mana-mana bahan komputer.

Fasal 4 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan lanjutan jika mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan yang disebut *dalam fasal 3* dengan niat untuk melakukan fraud, kecurangan atau menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

Fasal 5 bertujuan menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa akan kandungan mana-mana komputer.

Fasal 6 bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan dan hukuman bagi komunikasi salah berkenaan dengan suatu nombor, kod, kata laluan atau cara capaian yang lain kepada suatu komputer.

Fasal 7 bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan dan hukuman bagi penubuhan dan percubaan melakukan kesalahan yang disebut dalam *fasal 3, 4, 5 dan 6* Rang Undang-Undang ini.

Fasal 8 bertujuan mengadakan suatu anggapan statutori bahawa mana-mana orang yang mempunyai jagaan atau kawalan apa-apa atur cara, data atau maklumat lain jika dia tidak berkuasa untuk mendapatkannya hendaklah dianggap telah memperoleh capaian tanpa kuasa melainkan ia dibuktikan sebaliknya.

4. Bahagian III memperkatakan peruntukan sampingan dan am.

Fasal 9 memperkatakan skop wilayah kesalahan di bawah Akta.

Fasal 10 bertujuan mengadakan peruntukan bagi kuasa polis berkenaan pengeledahan, penyitaan dan penangkapan bagi tujuan penyiasatan.

Fasal 11 bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan dan hukuman bagi menghalang seorang pegawai polis daripada menjalankan tugasnya.

Fasal 12 memperkatakan keperluan untuk mendapatkan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya untuk memulakan pendakwaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1976.]